



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN KAWALSELIA RADIASI PERUBATAN**

Aras 4, Blok E3, Parcel E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel : 03-8892 4727
Fax : 03-8892 4746
Web : radia.moh.gov.my

Ruj Kami : KKM.500-5/6/22 Jld.7 (65)

Tarikh : 1 Jun 2020

En. Sawal Bin Marsait

Presiden

Persatuan Juru X-Ray Malaysia

Jabatan Radiologi, Hospital Canselor Tunku Muhriz

Pusat Perubatan UKM, Jalan Yaakob Latif, Bandar Tun Razak

56000 Cheras, Kuala Lumpur

Tuan,

PERMOHONAN PENGECUALIAN CME BAGI TAHUN 2020

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah menerima permohonan pengecualian mengemukakan bukti sijil kehadiran CME bagi semua Juru X-Ray Malaysia bagi tahun 2020 dari pihak tuan.

3. Untuk makluman tuan, Bahagian ini telah memutuskan untuk memberi kelonggaran terhadap beberapa keperluan perlesenan dan pendaftaran dalam tempoh PKP sepanjang Pandemik Covid-19 ini melalui surat **Kemudahan Keperluan Perlesenan dan Pendaftaran Bagi Institusi Perubatan Kerajaan dan Swasta Termasuk Syarikat Juruperunding Fizik Perubatan (Kelas H) yang Berurusan dengan Aktiviti di Bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) bagi Maksud Perubatan Berikutan dengan Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);** rujukan **KKM100-1/6/3Jld.2(3)BKRP** yang telah dikeluarkan pada **7 April 2020**.

4. Perkara (3.2) surat tersebut menjelaskan bahawa Bahagian ini mempertimbangkan pengiktirafan semula satu (1) tahun bagi sijil latihan *CME/CPE* yang telah tamat tempoh dalam waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Pertimbangan ini termasuklah latihan *CME/CPE* yang mana tidak mencukupi jam kredit yang telah ditetapkan semasa PKP ini.

5. Maklumat lanjut dan surat tersebut boleh didapati di laman web kami di <https://radia.moh.gov.my>. Bahagian ini akan memaklumkan perkembangan selanjutnya dari semasa ke semasa. Sekiranya pihak tuan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Bahagian ini melalui talian **03-8892 4727** atau laman web rasmi BKRP.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZUNAIDE BIN KAYUN @ HJ FARNI)

Pengarah

Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

ZK/mnams/sjsh